

25/01/2002

Pengunjung konsert ditawarkan hadiah Waja

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengunjung konsert Mega Perpaduan 2002 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Sabtu ini, bukan saja dapat berhibur bersama keluarga malah berpeluang memenangi pelbagai hadiah cabutan bertuah, termasuk Proton Waja dan pakej pelancongan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata nombor cabutan bertuah itu disertakan pada tiket masuk yang boleh diperolehi secara percuma mulai hari ini di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada waktu pejabat.

Pada sidang akhbar di sini hari ini, beliau berkata, tiket juga boleh diperolehi di pintu masuk Stadium Nasional Bukit Jalil mulai jam 5 petang Sabtu ini.

Konsert itu anjuran Jabatan Perpaduan Negara, bermula jam 8.30 malam dan disiarkan secara langsung menerusi TV1 RTM.

Yang di-Pertuan Agong Tunku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, dijangka merasmikannya. Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, juga dijangka hadir.

Selain persembahan Kumpulan Senario, KRU, Erra Fazira dan New Boyz, sketsa Bumiku Jiwaku juga akan dipersembahkan oleh kumpulan Warisan Budaya.

(END)